

BAB FERTAMA.

PERSOALAN-PERSOALAN UMUM MENGENAI NEGARA ISLAM.

1.1 PENTUBUHAN NEGARA ISLAM DIPANDANG DARI SUDUT HUKUM.

Antara persoalan umum yang dibangkitkan di dalam perbicaraan mengenai negara Islam ialah hukum menegakkan negara Islam. Terdapat beberapa pandangan ulama mengenainya.

Secara umumnya terdapat dua pandangan yang berbeza di antara satu sama lain. Satu pandangan menyatakan persoalan negara Islam adalah sesuatu yang terpisah dari ajaran Islam. Ertinya tidak wujud sebarang hubungan antara agama dan negara. Manakala pandangan yang kedua pula bahawa Islam dan negara adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan. Ini bermakna persoalan yang berhubung dengan Islam adalah juga persoalan Islam.

Dalam huraian yang selanjutnya penulis akan menyatakan pandangan-pandangan tersebut serta hujjah yang menjadi tempat sandaran bagi pandangan-pandangan itu.

1.1.1 TIADA HUBUNGAN ANTARA ISLAM DAN NEGARA.

Antara ulama yang membawa gagasan pemisahan ajaran Islam dari persoalan negara ialah Ali Abdul Raziq¹, yang telah mengerang sebuah buku yang bertajuk " Al Islam Wa Usul Al - Hukm "². Selain dari beliau ialah seorang penulis yang bernama Al Ustaz Khalid Muhammed Khalid yang telah mengerang sebuah buku yang bertajuk " Min Huns Nabda' "³. Dalam kedua-dua buku tersebut mereka telah menghuraikan secara terperinci gagasan pemisahan antara ajaran Islam dari persoalan negara. Pandangan mereka itu telah mendapat sokongan yang kuat daripada sebahagian besar para orientalis berat.⁴

Apa yang dapat disimpulkan dari keseluruhan pendapat yang dikemukakan ialah menolak pandangan yang mengatakan bahawa adanya apa yang dikatakan negara Islam atau pun sistem pemerintahan Islam serta mengingkari penubuhan negara Islam oleh Rasulullah SAW dan mengingkari jawatan khalifah selepas Rasulullah SAW. Persoalan negara hanyalah merupakan persoalan politik semata-mata dan tidak ada sangkut paut langsung dengan ajaran Islam. Sebaliknya Islam membiarkan perka-ra tersebut kepada akal manusia untuk menentukan kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan kehendak masa dan tempat.⁵

Untuk lebih jelas lagi, kita teliti pandangan-pandangan Syeikh Ali Abdul Raziq di dalam buku yang dikarangnya.

Untuk menyokong gagasan yang dibawanya itu, beliau telah menerangkan fungsi sebenar Rasulullah SAW. Menurut beliau Rasulullah telah diutuskan oleh Allah kepada manusia untuk membimbing mereka kepada satu agama yang direndai oleh Allah iaitu agama Islam. Dalam soal ini beliau menjelaskan;

" Sesungguhnya Nabi Muhammad hanyalah seorang rasul untuk mengajak manusia kepada satu agama yang suci. Tidak ada sedikit pun wujud di dalam ajarannya itu kecenderungan-kecenderungan kearah penubuhan sebuah negara. Rasulullah sekali-kali tidak pernah menyuruh dan menubuhkan sebuah negara menurut pengertian politik yang ada pada hari ini dan beliau hanyalah seorang rasul seperti rasul-rasul yang terdahulu."⁶

Untuk menyokong pendapat di atas beliau telah menyebut ayat Al Quran yang berbunyi;

مَا كَانَ حِمْدًا أَحَدٌ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ

وَخَاتَمُ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِ

" Nabi Muhammad bukanlah bapa bagi lelaki-lelaki di kalangan kamu, tetapi adalah rasulullah dan nabi terakhir di kalangan kamu. Sesungguhnya Allah Taala mengetahui segala perkara. "⁷

Berdasarkan kepada ayat tersebut, Syeikh Ali Abdul Raziq cuba menjelaskan fungsi sebenar Rasulullah SAW di kalangan umatnya. Beliau menerangkan bahawa fungsi sebenar Rasulullah ialah pembawa risalah ilahi dan bukanlah seorang pemerintah yang akan memerintah sebuah negara. 8

Seterusnya untuk menguatkan lagi pandangannya itu beliau mengemukakan beberapa dalil dar i Al Quran. Antaranya ialah;

وَمِنْ نُزُلِ الْكِتَابِ مَا أَرْسَلْنَاكَ

" Dan sesiapa yang berpaling dari ketaatan itu, maka kami tidak akan mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka." 9

وَمِنْ نُزُلِ الْكِتَابِ مَا أَرْسَلْنَاكَ

" Dan kami tidak mengutusmu wahai Muhammad untuk menjadi penjaga di kalangan mereka. " 10

Syeikh Ali Abdul Raziq juga telah membawa sepotong hadis Rasulullah yang bermaksud;

" Seorang lelaki telah datang bertemu dengan Rasulullah dalam keadaan yang terketar-ketar. Lalu

Berdasarkan kepada ayat tersebut, Syeikh Ali Abdul Raziq cuba menjelaskan fungsi sebenar Rasulullah SAW di kalangan umatnya. Beliau menerangkan bahawa fungsi sebenar Rasulullah ialah pembawa risalah ilahi dan bukanlah seorang pemerintah yang akan memerintah sebuah negara. 8

Seterusnya untuk menguatkan lagi pandangannya itu beliau mengemukakan beberapa dalil dar i Al Quran. Antaranya ialah;

وَمِنْ نُزُلِ الْحِكْمَةِ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ السَّمِينَ

" Dan sesiapa yang berpaling dari ketaatan itu, maka kami tidak akan mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka." 9

وَمِنْ نُزُلِ الْحِكْمَةِ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ السَّمِينَ

" Dan kami tidak mengutusmu wahai Muhammad untuk menjadi penjaga di kalangan mereka." 10

Syeikh Ali Abdul Raziq juga telah membawa sepotong hadis Rasulullah yang bermaksud;

" Seorang lelaki telah datang bertemu dengan Rasulullah dalam keadaan yang terketar-ketar. Lalu

menenangkan belismu dengan katanya; " Bertenanglah aku bukan seorang raja dan bukan juga seorang pen-
guasa tetapi aku hanyalah seorang anak bagi poren-
puan Quraiay. " ¹¹

Seandainya Rasulullah telah mengasaskan sebuah negara Islam maka kenapakah Rasulullah SAW tidak pernah mengatakan perkara-perkara yang tertentu yang menjadi rukun sebuah nega-
ra? Kenapakah Rasulullah tidak pernah menentukan sistem per-
lantikan ketua atau pun keadah-kaedah syura dan sebagainya? ¹²

Ertinya Rasulullah telah memberikan kebebasan kepada akal ma-
nusia apakah bentuk-bentuk pemerintahan. Dengan kepelbagai-
an cara pemikiran yang ada pada manusia maka ini telah membawa
kepada wujudnya berbagai jenis sistem pemerintahan. Oleh yang
demikian adalah mustahil untuk mengwujudkan hanya satu bentuk
pemerintahan sedangkan akal manusia itu adalah bermacam ragam.
Ini juga bermakna kewujudan hanya satu jenis pemerintahan
adalah sesauto yang di luar dari tabiat manusia. ¹³ Demikian me-
nurut pendapat yang dikeluarkan oleh Syeikh Ali Abdul Raziq.

Dari pandangan yang dikemukakan oleh beliau itu, dapat
dibuat kesimpulan bahawa menurut Islam pelbagai bentuk peme-
merintahan dapat diwujudkan samada otokrasi, birokrasi, mo-
narki, republik, kediktatoran dan sebagainya kerana urusan
negara adalah urusan akal manusia yang tidak berhubungan de-
ngan persoalan agama.

Dalam pada itu Syeikh Ali Abdul Raziq masih mengakui keperluan Rasulullah untuk membentuk kepemimpinan dan kekuasaan dalam melaksanakan tugasnya sebagai pembawa risalah. Namun bentuk kepemimpinan dan kekuasaan itu masih dalam bentuk kepemimpinan nubuwah dan masih jauh dari kepemimpinan seorang raja kerana kekuasaan Rasulullah SAW keatas umatnya adalah kekuasaan yang bertujuan untuk melaksanakan tugasnya sebagai pembawa risalah.¹⁴ Kalau dikatakan bahawa Rasulullah telah memperkenalkan satu bentuk kepemimpinan politik, maka ini menurut Syeikh Ali Abdul Raziq adalah satu yang terpisah dari tabiat Islam itu sendiri. Ini adalah kerana dalam soal negara Islam telah memberikan kebebasan kepada manusia untuk menggunakan fikiran mereka untuk memikirkan apakah bentuk pemerintahan yang paling sesuai.

Sebenarnya aliran pemikiran yang dibawa oleh Syeikh Ali Abdul Raziq adalah aliran pemikiran yang terpengaruh dengan pertentangan di antara gereja dan kerajaan yang berlaku di Eropah. Ia terpengaruh dengan sejauh manakah kekuasaan gereja, apakah ia boleh memegang kekuasaan yang tertinggi, memerintah dan mendirikan kerajaan atau menguasai semua kuasa tertinggi dalam masyarakat atau pun kuasanya patut dibataskan kepada hal-hal kerohanian sahaja dengan tidak menyentuh perkara-perkara politik. Natijah dari persoalan ini maka wujudlah pemikiran yang memisahkan agama dan negara di kalangan

penduduk Eropah. Kekuasaan orang-orang agama pada pandangan masyarakat Eropah hanyalah dalam soal-soal kerohanian semata-mata, manakala seluruh aspek kehidupan manusia yang lain dibiarkan kerajaan. 15

Ekoran dari aliran pemikiran yang ditimbulkan oleh Syeikh Ali Abdul Raziq, ramai ulama yang telah membantah aliran pemikiran tersebut. Dalam pada itu terdapat beberapa buku yang ditulis khas untuk membincarkan kenyataan Syeikh Ali Abdul Raziq itu. Misalnya Syeikh Muhammad Bakhit yang telah menulis buku "Hakikatul Islam Wa Usul Al Hukm", Syeikh Muhammad Al Husain yang telah menulis buku "Naqd Kitab Al-Islam Wa Usul Al Hukm. Sesudah buku ini dikeluarkan, ada juga penulis-penulis lain yang yang menghasilkan buku-buku yang mempunyai tujuan yang serupa, iaitu membuat penolakan terhadap pandangan-pandangan Syeikh Ali Abdul Raziq seperti Doktor Muhammad Al Behi yang telah menulis sebuah buku yang bertajuk "Al Fikr Al Islami Al Hadis Wa Silatuhu Bil Isti'-mar Al Gahrbi" dan Doktor Muhamad Diyaudin yang telah mengarang bukunya yang berjodol "Al Islam Wa Al Khilafah Fi Al Asr Al Hadis Naqd Kitab Al Islam Wa Usul Al Hukm. 16

1.1.2 TIADA PEMISAHAN ANTARA ISLAM DAN NEGARA.

Setelah kita meneliti pandangan yang dikemukakan oleh

Syeikh Ali Abdul Raziq serta hujjah yang dibawa oleh beliau, adalah wajar untuk diteliti pula pandangan yang mengatakan bahawa tiada pemisahan antara agama dan negara yang juga merupakan pandangan sebahagian besar para ulama.

Al Mawardi telah mengatakan imamah atau kepemimpinan adalah bermaksud menggantikan rasulullah untuk mengawasi agama dan memimpin dunia yang berkaitan dengannya. 17

Apa yang dapat difahami dari maksud perkataan Al Mawardi ialah fungsi imamah itu sendiri. Imamah mempunyai dua tugas yang penting iaitu mengawasi agama dan perjalanan sistem politik. Perkataan agama dan politik disebut bersama-sama menjadi bukti bahawa kedua-dua perkara itu tidak dapat dipisahkan. Imam bukan sahaja berfungsi sebagai pengawal agama tetapi juga pengawal kepada urusan pentadbiran negara.

Seterusnya Al Mawardi menjelaskan lagi bahawa hukum melantik imam adalah wajib. Ini pendapat yang disepakati oleh para ulama. Cuma yang menjadi perselisihan dikalangan ulama ialah apakah hukum wajib itu thabit melalui akal atau nas syarak. Segolongan ulama berpendapat ia wajib melalui akal kerana telah menjadi tabiat akal bahawa setiap ketua memerlukan ketua untuk memimpin mereka. Mereka juga memerlukan ketua untuk mengawal mereka dari sebarang kezaliman dan penindasan.

Manakala golongan yang lain pula berpendapat kewajiban menegakkan kepemimpinan adalah melalui nas syarak yakni berdasarkan hujjah melalui Al Quran dan Hadis Nabi. Mereka berhujjah kepada dalil Al Quran yang berbunyi;

أطِيعُ اللَّهَ وَاتْبِعُوا الرَّسُولَ وَأوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

"Hendaklah kamu taat kepada Allah dan hendaklah kamu taat kepada rasul serta ulul amri (mereka yang diserahkan urusan. " ¹⁸

Di samping itu mereka berhujjah kepada hadis nabi yang berbunyi;

سَيِّلُوكُمْ بَعْدِي وَلَا حِيلَةٌ لِكُمْ إِلَّا بِرَبِّهِ
وَإِلَيْكُمُ الْفَاجِرُونَ فَاسْمَعُوا هُمْ فِي كُلِّ
مَا وَافَتْ الْحَقَّ فَإِنْ أَحْسَنُوا فَلَكُمْ وَلَهُمْ وَإِنْ أَسَأُوا
فَلَكُمْ وَعَلَيْهِمْ .

" Akan datang sesudahku para pemimpin yang baik dan yang buruk. Taatilah mereka pada setiap perkara yang selaras dengan kebenaran. Sekiranya mereka melakukan keelokan, maka ia akan kembali kepada kamu dan mereka. Sekiranya mereka melakukan kekejian, maka mereka bertanggungjawab di atas kekejian itu. " ¹⁹

Ibnu Hazm pula menyatakan seluruh ahli Sunnah, al Mu'minah, es Syiah, al Khawarij bersepakat mengatakan bahawa imamah adalah wajib. Ummah wajib patuh kepada imam yang menjalankan perintah Allah.

Seorang lagi tokoh Islam yang terkemuka iaitu Ibnu Khaldun telah menyatakan kalau lemah undang-undang itu digubal oleh ahli-ahli akal serta pakar-pakarnya, maka itu adalah siasah akal, tetapi kalau lemah undang-undang itu diwajibkan oleh Allah Taala, maka ia adalah siasah agama yang memberi munafaat kepada kehidupan dunia dan akhirat. Ini adalah kerana kejadian manusia bukan sahaja bermaksud untuk kebaikan dunia mereka, tetapi juga untuk kebaikan akhirat. Ini bererti bahawa agama menyuruh mereka mengikut apa sahaja arahan yang telah diberikan kepada mereka dalam segenap tindakan yang mereka ambil. Tujuannya ialah supaya semua perkara yang dilakukan itu adalah berada di bawah pengawasan syarak. Ibnu Khaldun seterusnya menjelaskan peranan khalifah ialah membawa manusia kepada satu arah yang benar demi kebaikan mereka di dunia dan akhirat kerana semua hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan dunia dan akhirat adalah pengawasan Allah Taala. Jadi pada hakikatnya peranan khalifah ialah menjalankan perintah Allah untuk mengawasi agama Allah dan pentadbiran dunia. 21

Ini pendapat majoriti para ulama Islam. Mereka berpandangan bahawa pemisahan antara agama dan negara adalah satu konsep yang tidak dapat diterima kerana ia bertentangan dengan Islam itu sendiri yang lebih dikenali sebagai satu cara hidup yang bersifat sempurna. Penerimaan konsep pemisahan agama dari persoal negara adalah secara tidak langsung mena-

fikan kesempurnaan Islam sebagai satu cara hidup.

1.1.3 KESIMPULAN.

Secara perbandingan antara kedua-dua pandangan yang kontra itu, maka penulis mendapati pandangan yang pertama itu adalah tertolak. Sebab yang utama ialah pandangan yang kedua itu adalah pandangan sebahagian besar para ulama. Hadis Rasulullah SAW telah menyatakan ;

لَا يَجْمِعُ أُمَّةٌ عَلَىٰ مُحَاجَّةٍ

" Umatku tidak akan bersepakat dalam kesesatan." 22

Meneliti pula pandangan Syeikh Ali Abdul Raziq, adalah didapati bahawa dibawa pada tempat yang tidak betul. Memang benar Rasulullah SAW adalah pembawa risalah serta baginda tidak memaksa orang lain supaya beriman dengannya , tetapi harus diingat bahawa ia hanya merujuk kepada umat yang masih belum menerima Islam. Fungsi Rasulullah SAW di kalangan mereka ialah menyeru kearah kebenaran iaitu dengan cara memelok agama Islam. 23

Walau bagaimana pun apabila mereka menerima Islam, maka dalam hal ini Rasulullah mempunyai peranan yang berbeza terhadap mereka.

Ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengandungi peraturan serta disiplin yang tertentu yang mesti diikuti oleh semua mereka yang telah memeluk agama Islam. Telah disebutkan bahawa ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah satu cara hidup. Kegiatan dalam kehidupan itu sudah tentulah menjurus kepada persoalan ekonomi , politik , kemasyarakatan, pendidikan dan sebagainya. Secara lojik kita akan sampai kepada satu kesimpulan bahawa Islam telah menentukan sistem-sistem yang tertentu bagi setiap dalam kehidupan itu.

Memang benar Rasulullah SAW tidak pernah mendakwa baginda adalah seorang raja, tetapi hukum Islam telah menerangkan secara jelas bahawa mentaati Rasulullah SAW merupakan satu kewajiban seperti juga kewajiban taat kepada Allah Taala.
24 Hukum Islam juga telah secara jelas menerangkan bahawa Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik kepada semua umat. Setiap apa yang mereka lakukan , walau pun apa sahaja peranan mereka dalam bidang masing-masing mestilah mereka ingat bahawa ikutan yang terbaik hanyalah pada perlakuan Rasulullah SAW.
25 Ini termasuklah golongan pemimpin samada pemimpin keluarga, masyarakat atau pun negara. Mereka mesti menjadi-kan kepimpinan Rasulullah SAW sebagai satu contoh teladan yang mesti diikuti.

Perhatikan pula pada hukum-hukum yang ada pada perundangan Islam. Kesemua hukum-hukum itu tidak akan dapat di-

laksanakan tanpa seorang ketua yang benar-benar yang mempunyai kuasa pemerintahan.

Berdasarkan kepada hujjah-hujjah yang dikemukakan, dapat dikatakan pandangan yang beranggapan bahawa tiada hubungan antara negara dan agama adalah pandangan yang tidak dapat diterima.

1.2 MATLAMAT NEGARA ISLAM.

Di dalam memperkata matlamat penubuhan negara Islam Islam, perlu dijelaskan di sini bahawa negara Islam ditegakkan di atas dasar Aqidah Islamiah.²⁶ Negara Islam tidak pernah tegak diatas satu perjuangan yang sempit sepertimana yang wujud pada hari ini di mana kebanyakan negara menjadikan semangat kebangsaan dasar perjuangan. Ini bererti apa yang di perjuangkan oleh negara berkenaan adalah lebih tertumpu kepada apakah perkara yang menjadi aspirasi bangsa yang menjadi bumiputera dan majoriti dalam negara tersebut. ²⁷

Apabila sesebuah negara telah menjadikan semangat kebangsaan sebagai satu dasar perjuangan, maka segala konsep dan pengertian yang berhubung dengan soal mengenai keadil-

an atau pun persamaan hak, kebebasan dan sebagainya haruslah dilihat dari sudut kacamata bangsa yang dianggap sebagai bumiputera dan majoriti dalam negara tersebut. Bangsa-bangsa lain yang menduduki negara tersebut mestilah menerima segala konsep dan pengertian yang diberitahu tanpa banyak persoalan. 28

Ini berlainan dengan apa yang menjadi dasar perjuangan bagi sebuah negara Islam. Di dalam negara Islam semua bangsa akan mendapat hak yang adil selaras dengan apa yang menjadi tumpuan mereka dan ia mestilah berdasarkan kepada undang-undang Islam yang menjadi undang-undang terpakai dalam negara Islam. 29

Haruslah diingat juga bahawa apabila negara Islam itu tegak di atas dasar aqidah Islamiah, ini tidaklah bermakna ia akan memaksa semua penduduknya menerima agama Islam sebagai pegangan hidup mereka kerana perkara itu sendiri bertentangan dengan apa yang menjadi satu kefahaman bagi aqidah Islam iaitu tidak wujud paksaan keatas mereka yang tidak memelok agama Islam. 30

Secara umumnya matlamat yang ingin diperjuangankan oleh negara Islam boleh disimpulkan seperti berikut;

1. Mencapai keredaan Allah.

Apa yang dimaksudkan ialah agar Allah yang menjadi tuhan bagi sekelian alam memberikan keredaan dan keampunan serta rahmat bagi semua penduduk negara Islam. Ini didasarkan kepada firman Allah Taala yang berbunyi;

قُلْ لِّاٰنِ صَلَّتْ وَسَكَنَ وَمَحَيَّ وَمَمَّاتَنَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

" Katakanlah bahawa sembahyang dan ibadatku, hidup dan matiku hanyalah kerana Allah Taala, tuhan sekelian alam. " ³¹

Untuk mencapai perkara tersebut setiap penduduk haruslah berusaha untuk mencapai tahap pengabdian yang menjadi matlamat penciptaan manusia di atas muka bumi ini. Ini didasarkan kepada firman Allah Taala;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

" Aku tidak mencipta jin dan manusia kecuali untuk mengabdiakan diri kepada ku. ³²

2. Mencapai kesejahteraan hidup di dunia.

Negara Islam juga bermatlamatkan untuk mencapai keseja-

teraan hidup didunia sebagaimana juga dengan negara-negara yang lain. Apa sahaja tujuan hidup yang ingin dicapai oleh manusia pada hari ini adalah juga menjadi tujuan penubuhan negara Islam. Ini bererti tujuan hidup yang ingin dicapai seperti kedamaian, keadilan dan sebagainya adalah juga perkara yang ingin dicapai oleh negara Islam. Firman Allah Ta-la;

وَابْتَغِ فِيمَا أَنْتَ طَالِبٌ مَا لِلّٰهِ رِحْمَةً
ولَا تُنْسِ نَفْيَتَكُمْ مِّنَ الدُّنْيَا

"Tuntutlah apa saja yang disediakan oleh Allah di hari akhirat tetapi janganlah kamu lupa tentang nasibmu di dunia." 33

1.3 TINJAUAN RINGKAS MENGENAI SEJARAH FERTUMBUHAN NEGARA ISLAM.

Tidak dapat dinafikan bahawa negara Islam yang pertama di dunia diasaskan oleh Rasulullah SAW. Dalam huraian yang lalu, telah dijelaskan fungsi sebenar Rasulullah SAW. Fungsi sebenar Rasulullah bukan hanya setakat menyampaikan risalah Islam, tetapi juga adalah untuk memimpin mereka dan memperkenalkan satu cara hidup sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Ini termasuklah soal-soal kenegaraan. Meskipun Rasulullah tidak pernah menyebut istilah-istilah seperti

kepemimpinan Islam dan sebagainya, tetapi fenomena yang wujud semasa hayat Rasulullah itu menggambarkan wujudnya pemikiran mengenai negara Islam.

DILAKUKAN DI UNIVERTSITI MALAYA

Proses penubuhan negara Islam yang pertama di dunia oleh baginda boleh dikaitkan dengan proses dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah sendiri. Proses dakwah yang dilalui oleh Rasulullah SAW itu terbahagi kepada dua peringkat masa iaitu peringkat Mekah dan peringkat Madinah atau dengan istilah yang lain dipanggil sebelum dan sesudah hijrah.

1.3.1 DAKWAH PERINGKAT MEKAH.

Kita dapati sebelum berlakunya peristiwa hijrah, penumpuan dakwah Rasulullah adalah kearah membentuk peribadi muslim yang sanggup berkorban apa sahaja demi kerana perjuangan Rasulullah. Ini didasarkan kepada ayat-ayat yang turun sebelum berlakunya hijrah adalah lebih menekankan soal tauhid kepada Allah, percaya kepada hari kiamat dan sebagainya dalam usaha untuk memperdalamkan keyakinan para sahabat Rasulullah kepada ajaran yang dibawa oleh baginda. 34

Perspektif dakwah yang sedemikian rupa begitu ditekan-kan oleh Rasulullah kerana baginda merasa amat perlu sekali

membentuk peribadi-peribadi muslim yang akan membawa kepada wujudnya sekelompok masyarakat yang benar-benar menjiwai Islam. Meski pun asaha yang dijalankan oleh Rasulullah ini mendapat tentangan yang hebat dari kaum musyrikin Mekah, tetapi dengan bantuan dan keizinan dari Allah, Nabi Muhammad SAW telah berjaya mengumpul sekelompok manusia yang sanggup untuk bersama-sama dengan baginda. Mereka inilah kemudiannya menjadi pembantu-pembantu Rasulullah yang sanggup berkorban apa sahaja sehingga tersebarinya dakwah Islam itu. 35

Golongan muslimin di Mekah terus menerima tekanan dari golongan musyrikin sehingga keadaan ini telah menyebabkan Rasulullah SAW menganjurkan kepada para sahabat supaya berhijrah ke negeri Habsyah iaitu sebuah negeri yang rakyatnya mengikut ajaran nabi Isa. Ini adalah kerana Rasulullah tidak mampu untuk memberi perlindungan kepada mereka. Di negeri Habsyah, mereka mendapat layanan yang baik, meski pun ada percubaan dari golongan musyrikin Mekah untuk melakukan fitnah terhadap mereka. Setelah beberapa lama mereka tinggal di negeri Habsyah mereka pun kembali ke Mekah kerana mendengar bahawa orang Mekah telah pun memelok Islam. Tetapi alangkah hampanya apabila mereka mendengar berita tersebut hanyalah palsu semata-mata. 36

Oleh kerana tekanan yang diterima oleh golongan muslimin Mekah begitu hebat, maka keadaan ini telah memaksa Rasulullah dan para sahabatnya supaya berhijrah ke Madinah. Ini kerana pada pandangan Rasulullah Mekah tidak lagi dapat diharapkan untuk menjadi sebuah negara Islam pada ketika itu. Sementara penentangan kafir Quraisy pula sudah sampai ke peringkat yang amat membahayakan.

37

1.3.2 DAKWAH PERINGKAT MADINAH.

Sesudahnya berlakunya peristiwa hijrah, bentuk dakwah yang dibawa oleh Rasulullah adalah berbeza dengan bentuk dakwah di Mekah. Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah sesudah peristiwa hijrah menunjukkan wujudnya ciri-ciri kepemimpinan sebuah negara meski pun Rasulullah tidak pernah mengishtiharkan penubuhan sebuah negara Islam. 38

Sebenarnya peristiwa itu sendiri merupakan satu permuksaan yang nyata bagi penubuhan sebuah negara Islam. 39 Ini dapat dilihat melalui Bai'ah Agabah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan golongan Ansar ketika menjelang peristiwa hijrah. Peristiwa ini juga menunjukkan kesanggupan golongan Ansar untuk menerima kepemimpinan Rasulullah SAW di masa akan datang. 40

Seorang penulis Inggeris yang bernama Jibb telah mengatakan; " dari satu sudut dapat dikatakan bahawa penghijrahan beramai-ramai adalah menandakan kemunculan satu gerakan Islam dalam rupa bentuk yang baru yang membawa kepada wujudnya sebuah masyarakat yang tegak di atas-atas dasar-dasar yang tertentu dengan bersandarkan kepada kepemimpinan Rasulullah. Apa yang berlaku di Madinah sesudah itu ialah kewujudan masyarakat Islam dalam bentuk yang praktikal. "⁴¹

Ini bererti dengan kewujudan sebuah masyarakat dan wujudnya kepemimpinan Rasulullah telah menandakan wujudnya satu bentuk pemerintahan.

Sesudah berlakunya peristiwa hijrah, masyarakat Islam yang baru muncul itu telah bergerak sedikit demi sedikit ke arah pengukuhan dan kesempurnaannya.

Oleh yang demikian wahyu-wahyu yang turun pada masa ini lebih banyak menekankan soal pentadbiran, ekonomi dan Allah telah menerangkan kepada manusia hukum-hukum yang lebih praktikal yang bersangkutan dengan perhubungan manusia baik dalam kelompok yang kecil atau pun dalam kelompok yang besar.⁴²

Sebelum kedatangan Rasulullah , kota Madinah adalah tempat yang didiami oleh beberapa kabilah Arab. Mereka sentiasa

berpecah belah antara satu sama lain. Ini disebabkan peran yang dimainkan oleh golongan Yahudi yang telah berusaha memecahbelahkan kelompok-kelompok tadi. 43

Oleh yang demikian Rasulullah SAW telah menggariskan hak dan tanggungjawab bagi setiap Mu hajirin dan Ansar serta mengadakan persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama dengan orang-orang Yahudi dan menyusun pentadbiran dan pertahanan Madinah. 44

Bagi mengatasi masalah diatas, maka Rasulullah telah membuat perjanjian antara golongan Muhajirin dan Ansar dan perjanjian yang kedua pula dengan orang-orang bukan Islam. Perjanjian disebut "Piagam Madinah". 45

Di dalam Piagam Madinah terdapat beberapa fasal yang berkisar tentang ikatan antara Muhajirin dan Ansar serta menyentuh juga perhubungan antara orang-orang Islam dan orang-orang Yahudi. 46

Piagam Madinah juga menyatakan berbagai-bagai persoalan seperti hak dan kewajiban pemerintah dan orang diperintah, perundangan, pentadbiran, pertahanan, kedudukan ketua negara layanan terhadap orang-orang bukan Islam dan sebagainya. 47

Piagam Madinah ini merupakan satu bentuk dokumen politik yang sah dan rasmi. Ia telah mendorong kearrah intergrasi politik bagi seluruh penduduk Madinah dan masyarakat sekelilingnya. Dengan termeterinya piagam ini, wujudlah sebuah negara Islam dengan ciri-ciri yang khusus di mana dengan ciri-ciri inilah juga yang menjadi asas kepada pembentukan sebuah negara serta perlembagaan zaman moden ini. Ciri-ciri yang dimaksudkan itu ialah adanya penentuan kawasan atau sempadan pemerintahan dan mempunyai rakyat serta sistem pemerintahan dan kepercayaan yang tersendiri.⁴⁸



1. Beliau adalah seorang ulama yang mendapat pendidikan di Universiti Al Azhar dan juga merupakan salah seorang anggota majlis fatwa Al Azhar yang kemudiannya telah dipersekutui keanggotaannya akibat dari isu kontroversial yang telah ditimbulkan.
2. Buku ini telah diterbitkan dalam tahun 1925 dan ia sebenarnya membahas persoalan yang berkaitan dengan pemerintahan menurut Islam.
3. Doktor Abdul Ma'ati Abdul Futuh, Hatmiyatul Hal al Islami Ta'ammulat fi an Nizam as Siasi, (Al Matba' Al Hablawi 1977) h. 15
4. ibid.
5. ibid., h. 16
6. Ali Abdul Raziq, Al Islam wa Usul al Hukm, (Beirut: Muassah Al Arabiah li ad Dirasah wa an Nashr) h. 64
7. Surah Al Ahzab, ayat 40
8. Ali Abdul Raziq, op.cit. h. 72
9. ibid., h. 76
10. Surah An nisa', ayat 79
11. Ali Abdul Raziq, op.cit. h. 76
12. ibid., h. 87
13. ibid., h. 78
14. ibid., h. 82
15. Doktor Abdul Ma'ati Abdul Futuh, op.cit. h 19
16. Muhammad S El-Wa, Sistem Politik Dalam Pemerintahan Islam, terjemahan Anshori Thayib, (Surabaya: P.T Bina Ilmu 1983) Cetakan Pertama, h. 96

17. Al Mawardi, Al Ahkam as Sultaniah, (Mesir: Mustapa Al Babi al Babi al Halabi, 1973) h. 4
18. Surah Al Ma'ida, ayat 95
19. Hadis riwayat Ibnu Hisyam bin Urwah daripada Ibnu Salah dari pada Abu Hurairah.
20. Ibnu Hazm, Al Faal fi al Milal wa al Ahwa wa an Nihān, (Beirut: Dar al Ma'rifah, 1975) h. 87
21. Ibnu Khaldun, Muqaddimah, (Mesir: Matba' al Ma'arif) h. 190-191
22. Badrem Abu al Ainain, Usul Fiqh al Islami, (Muassasah as Shabab al Jamiah, Iskandariah) h. 117
23. Doktor Abdul Ma'ati Abdul Futuh, op.cit, h. 24
24. Maksud dari ayat al Quran surah Al Maidah, ayat 95
25. H.M Yunan Nasution, Muhammad Rasulullah, (Indonesia: Dewan Dakwah Islamiah), cetakan pertama, h. 80
26. Abul A'la al Maudoodi, Teori Politik Islam, Terjemahan Kamarudin Abdul Rahman, (Kuala Lumpur: Agensi Media Islam sdn bhd, 1404) h. 37
27. Kalim Siddiqi, Negara Nasionalisme Menghalang Pembentukan Ummah, Terjemahan Mahzan Ahmad, (Kuala Lumpur: Pustaka al Alami, 1985) Edisi Pertama, h.11
28. Abul A'la al Maudoodi, Islamic Law And Comstitution, (Delhi: Taj Company, 1986) h. 276
29. ibid.
30. Doktor Yusuf al Qardawi, Noñ Muslim Dalam Negara Islam, Terjemahan Dr Mat Saat Abd Rahman, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri 1989) h 13

31. Surah Al An'am, ayat 16
32. Surah Az Zariat, ayat 56
33. Surah Al Qasas, ayat 77
34. Doktor Abdul Rahman as Sabuni dan lain-lain, Al Madkhal al Fiqhi wa at Tarikh at Tasyri' al Islami, (Maktabah Wahbah) h. 155
35. Allama Muhammad Baqir Al Majusi, The Life And Religion of Muhammad, (Universiti Cambridge, 1982) h. 208
36. Doktor Muhammad Said Ramadhan Al Buti, Fiqh Seerah, (Dar al Fikr) Cetakan kedua, h. 124-126
37. ibid., h. 175
38. Doktor Muhammad Farouk an Nubhan, Nizam al Hukm fi al Islam, (Muassasah ar Risalah) h. 139
39. Doktor Muhammad Salam Madkur, Maalim Daulah Islamiyah, (Kuwait: Maktabah Al Fallah) Cetakan Pertama, h. 63

40. Doktor Muhammad Said Ramadhan al Buti, op.cit., h. 170
41. Doktor Al Qutb Muhammad Al Qutb, Al Wasit fi an Nuzum al Islamiyah, (Al ittihad al Arabi li at Tiba'ah) Cetakan Pertama, h. 67-68
42. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h.67
43. Doktor Al Qutb Muhammad Al Qutb, op.cit, h. 23
44. Doktor Muhammad Said Ramadhan Al Buti, op.cit, h. 203
45. ibid.
46. ibid., h. 205
47. ibid.
48. Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit, h. 80